

Headline	FoSM lancar pameran 'Plant People: Unearthing Botany In Sarawak'		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	10 Oct 2021	Color	Black/white
Section	News	Circulation	31,034
Page No	7	Readership	93,102
Language	Malay	ArticleSize	256 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 954
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,863



## FoSM lancar pameran 'Plant People: Unearthing Botany In Sarawak'

**KUCHING:** Sahabat Muzium Sarawak (FoSM) melancarkan pameran 'Plant People: Unearthing Botany In Sarawak' secara maya pada 2 Oktober lalu.

Pameran mengenai situasi botani di Sarawak ini bertujuan untuk mendedahkan bagaimana kajian secara saintifik, mengubah kehidupan manusia dengan tumbuh-tumbuhan.

Pameran ini adalah sebahagian daripada Beccari Centenary yang ditaja oleh Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Sarawak.

Menterinya Dato Sri Abdul Karim Rahman dalam ucapan perasmian berkata, pameran itu sangat bagus dan unik untuk tatapan semua masyarakat.

"Kebiasaannya kita tidak berfikir bahawa orang tempatan kita boleh menyumbang kepada sains barat.

"Namun dengan pameran sebegini, ia mendorong kita untuk menggali lebih dalam sejarah sendiri selain menghormati mereka yang berperanan dalam produksi dan perkongsian pengetahuan," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau menegaskan kementerianya komited untuk bekerjasama dengan jabatan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pihak berkepentingan yang lain dalam usaha mengenali dan mempertahankan warisan semula jadi Sarawak.

Acara pelancaran itu turut menampilkan perbincangan santai oleh penceramah panel terkemuka dalam bidang masing-masing.

Antara panel yang terlibat, Kurator Pameran 'Plant



**SEJARAH:** Gambar menunjukkan ahli botani Sarawak mengumpulkan tanaman di Bario pada November 1974.

People', Dr Jennifer Morris, ahli taksonomi tumbuhan dan pakar Begonia, Julia Sang, ahli botani bebas dan penasihat bersama Beccari Centenary Project, ahli botani bebas dan penasihat bersama Beccari Centenary Project, Dr Katharine (Kit) Pearce dan Ahli Botani Sarawak pertama yang dilantik oleh Jabatan Hutan Sarawak Dr Paul P.K. Chai.

Seramai 200 peserta terdiri daripada masyarakat umum, golongan profesional dan golongan akademik dalam pelbagai bidang dari Indonesia, Filipina, Singapura, Eropah dan Amerika juga hadir dalam acara pelancaran.

Peserta dari Malaysia termasuk wakil dari Jabatan Muzium Sarawak, Jabatan Hutan, Pusat Biodiversiti Sarawak, UNIMAS, UPM, FRIM, WWF, WCS, MNS, STGA dan pemain industri

pelancongan.

Presiden FoSM, Connie Lim secara rasmi melancarkan pameran itu setelah perbincangan bersama panel selesai.

Dr Kit Pearce menggulung perbincangan secara ringkas selepas semua peserta bersetuju mengenai arah tuju botani di Sarawak melalui pendekatan ABC.

Menurutnya, ABC adalah akronim kepada 'Attractive' untuk menarik lebih ramai orang, 'Beneficial' untuk pendidikan, pemuliharaan dan kelestarian dan 'Communication' bagi menarik penglibatan komuniti.

Pada masa sama, para hadirin juga berminat untuk mengenali mereka yang telah mengumpul, mendokumentasi dan meneliti tanaman.

"In termasuk kebimbangan masa depan mengenai kesan

perubahan iklim, penebangan hutan, dan pemuliharaan," jelas kenyataannya.

Ahli panel semua bersetuju bahawa botani bukan hanya sekadar melihat tetapi memerlukan penglibatan berpasukan untuk belajar dari mereka yang arif mengenai alam semulajadi.

FoSM adalah sebuah NGO yang mempromosikan penghargaan terhadap warisan Sarawak melalui muzium.

Ini merupakan platform untuk masyarakat untuk terlibat dalam program dan projek budaya dan warisan di seluruh wilayah

Pembaca dapat menonton perbincangan pelancaran penuh di halaman Facebook

<https://facebook.com/fos-museum> atau laman sesawang <https://friendsofsarawak-museum.org/beccari/exhibition/>.